

ISU FIQH MUAMALAT GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA: SATU ANALISIS HUKUM

Azman Ab Rahman¹

Hairullfazli Mohammad Som²

Hussein Azeemi Abdullah Thaidi³

Muhamad Firdaus Ab Rahman⁴

Abstrak

Mutakhir ini, kesedaran tentang pentingnya ilmu fiqh muamalat dan kewangan Islam kian mendapat perhatian daripada pelbagai agensi termasuklah sekolah, institusi pengajian tinggi, badan kerajaan, institusi kewangan hatta masyarakat awam. Kontrak dan instrumen kewangan Islam yang dibincangkan dalam buku-buku fiqh klasik telah berjaya dibangunkan dan distruktur semula hingga menjadi produk kewangan yang menjana keuntungan disamping mampu memenuhi kehendak masyarakat Muslim moden yang semakin kompleks. Dalam keghairahan memaksimakan keuntungan menggunakan kontrak muamalat Islam, wujud isu dan perbincangan yang kian terpinggir khususnya tentang bagaimana golongan kurang upaya (OKU) dapat melibatkan diri dalam aktiviti muamalat Islam. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti isu-isu fiqh muamalat yang melibatkan golongan OKU. Permasalahan kontrak jual beli dikaji secara mendalam kerana ia adalah kontrak yang mendominasi perlaksanaan muamalat Islam. Kaedah kepustakaan dan analisis teks digunakan secara konsisten. Kajian mendapati beberapa isu hukum jual beli berkaitan OKU pekak, bisu dan buta perlu diberi perhatian. Hasil kajian juga menunjukkan di sana terdapat beberapa kelonggaran, kaedah dan syarat-syarat khusus yang digariskan dalam fiqh muamalat demi menyantuni golongan OKU. Dapatkan kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada organisasi kebajikan, NGO dan agensi kerajaan dalam membuat dasar dan mendepani isu-isu OKU. Kajian lanjutan boleh mengambil kira elemen kajian lapangan yang melibatkan populasi OKU dalam rangka untuk memahami realiti dan permasalahan muamalat OKU dengan lebih terperinci.

Kata kunci: muamalat, jual beli, OKU, hukum, *maslahah*.

1. Pengenalan

Islam adalah agama yang bersifat sejagat, fleksibel dan melengkapi setiap kehidupan manusia di dunia. Syariatnya bukan sahaja tertumpu kepada hukum-hukum ibadah, malah meliputi setiap aspek kehidupan dunia. Fiqh muamalat merupakan salah satu cabang ilmu yang disyariatkan oleh Islam bagi memberi panduan di samping menjaga kemaslahatan dalam perhubungan sesama manusia di dunia. Fiqh muamalat adalah ilmu yang lengkap bagi

¹ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Udang, Universitii Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

² Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Kajang, Selangor

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Udang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Udang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

memberi panduan tentang tatacara dan hukum-hakam yang bersangkutan dengan urusan dunia dalam aktiviti hidup seseorang seperti jual-beli, tukar-menukar, pinjam-meminjam dan sebagainya. Pelaksanaan Fiqh Muamalat ini melibatkan setiap individu Muslim termasuklah golongan normal mahupun golongan orang kelainan upaya (OKU). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cabaran yang wujud dalam mengaplikasikan Fiqh Muamalat bagi golongan OKU. Artikel ini akan membincangkan isu-isu yang melibatkan golongan OKU dalam pelaksanaan kontrak jual beli menurut pandangan sarjana Islam.

2. Perlaksanaan Jual Beli bagi OKU

Golongan OKU tidak terkecuali dalam urusan jual beli yang membabitkan akad dan transaksi pertukaran pemilikan. Namun, kaedah pelaksanaannya adalah berbeza berbanding golongan normal. Para fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan hukum jual beli bagi golongan OKU sama ada akad yang dilakukan sah atau fasiq.

Isu Pertama: Jual Beli Orang Buta

1. Jual Beli Orang Buta untuk Dirinya Sendiri dan Orang lain

Para fuqaha' berbeza pendapat dalam isu ini kepada tiga pendapat:

Pendapat pertama menyatakan jual beli orang buta dengan penjelasan fizikal barang adalah sah. Pendapat ini dikemukakan oleh mazhab Hanafi dan Hanbali (al-Marghinani, t.t.; al-Buhuti, 1997; Ibn Muflih, 1400H; Ibn Qudamah, 1972.; al-Mardawi, t.t.).

Pendapat kedua menyatakan jual beli orang buta sah pada barang yang tidak perlu dilihat. Manakala barang yang hanya boleh diketahui melalui penglihatan tidak sah jual belinya seperti bay' al-juzaf iaitu jual beli yang tidak menggunakan timbangan (al-Kharshi, t.t.; al-Dusuqi, t.t.; 'Illish, 1989).

Pendapat ketiga dari mazhab al-Syafi'i yang menyatakan tidak sah jual beli orang buta (al-Shirazi, t.t.; al-Nawawi, 2003). Disebutkan di dalam al-Hidayah: Jual beli orang buta harus dan dia mendapat hak khiyar sesudah membelinya kerana dia membeli sesuatu yang dia tidak nampak (al-Marghinani, t.t.).

Menurut al-Nukat wa al-Fawa'id al-Saniyyah, jual beli orang buta sah berdasarkan kaedah qiyas yang digunakan oleh ulama mazhabnya. Alasannya, melihat barang bukan satu syarat dalam dalam akad jual beli sebaliknya cukup sekadar dengan penjelasan sifat fizikal sahaja. Maka, syarat ini boleh dipenuhi oleh orang buta (Ibn Muflih, 1404H).

Penulis al-Taj wa al-Iklil menukilkan pendapat Ibn 'Arafah dan al-Qadi yang mengharuskan jual beli orang buta. Ibn Rushd juga menjadikan pendapat ini sebagai pendapat muktamad dalam mazhab Maliki (al-Shatibi, 1994). Namun, mazhab Maliki mengecualikan barang yang hanya boleh diketahui melalui penglihatan seperti bay' al-juzaf. Ini kerana, barang ini hanya boleh diketahui dengan melihatnya secara langsung tetapi ia tidak dapat dipenuhi oleh orang buta (al-Dusuqi, t.t.; 'Illish, 1989).

Hujah yang digunakan oleh mazhab Hanafi dan Hanbali terdiri dari hadis Nabi SAW dan hujah logik. Diriwayatkan dari ‘Abdullah bin ‘Umar r.a. bahawa seorang lelaki mengadu kepada Nabi SAW penipuan ketika jual beli yang berlaku ke atas dirinya. Lalu Nabi SAW bersabda:

إِذَا بَاعْتُ، فَقُلْ: لَا خِلَابَةٌ

Maksudnya: “Jika engkau berjual beli, maka sebutkan tiada penipuan”.

(al-Bukhari dan Muslim dalam al-‘Asqalani, 2001)

Berdasarkan hadis ini, Nabi SAW mengharuskan jual beli orang buta kerana lelaki yang mengadu tersebut bernama Hibban bin Minqaz, seorang yang buta sebagaimana yang disebutkan oleh para muhaddith (al-Nawawi, t.t.). Nabi SAW tidak menghalang jual beli tersebut, tetapi memberi nasihat bagaimana mengelak penipuan dalam jual beli akan datang.

Hujah logik pula boleh dilihat dari beberapa aspek:

- i. Sejarah manusia menunjukkan penerimaan jual beli orang buta tanpa ada sesiapa yang mengingkarinya (al-Sarakhsy, t.t.).
- ii. Sejak zaman Nabi SAW sehingga sekarang, tiada sahabat atau fuqaha' yang melarang mereka berjual beli (al-Kasani, 2003).
- iii. Terdapat keperluan bagi orang buta untuk melakukan jual beli kerana mereka juga tergolong dari kategori mukallaf. Maka, mereka memerlukan jual beli dan akad muamalat yang lain (al-Babirti, t.t.).
- iv. Mazhab Hanbali pula mengqiyaskan jual beli orang buta dengan jual beli ghaib dengan menyebutkan sifat-sifat barang sahaja. Ini kerana, keharusan jual beli ghaib mempunyai dua riwayat dari Imam Ahmad (Ibn Mufligh, 1404H).
- v. Tiada dalil dari al-Quran ataupun hadis Nabi SAW yang membezakan antara orang buta dengan orang celik ketika melakukan jual beli. Malah, Allah SWT mengharuskan jual beli secara mutlak (Ibn Hazm, 2016).

Mazhab Syafi'i menggunakan hujah berikut bagi menjustifikasi pendapat mereka:

- i. “Keharusan jual beli orang buta mempunyai perkaitan hukum dengan jual beli ghaib. Jual beli ghaib pula mempunyai dua pendapat dari Imam al-Syafi'i. Jika dikatakan hukum jual beli ghaib tidak sah oleh orang celik, maka ia juga tidak sah bagi orang buta. Jika dikatakan hukum jual beli ghaib sah, maka terdapat dua pendapat bagi jual beli ghaib orang buta:
 - a. Jual beli orang buta sah dan hukumnya sama seperti jual beli orang celik. Maka, penjelasan dari pihak mengenai barang tersebut boleh menggantikan syarat ‘melihat’.
 - b. Tidak sah jual beli orang buta kerana jual beli tidak sempurna melainkan dengan pembeli melihat barang jualan dan syarat ini tiada pada pembeli buta” (al-Shirazi, t.t.; al-Nawawi, t.t.). Imam al-Nawawi menyebutkan di dalam al-

Majmu' "Ashab kami menyatakan pendapat yang tepat di dalam mazhab adalah terbatalnya jual beli orang buta" (al-Nawawi, t.t.).

- ii. Syarat bagi setiap akad adalah mestilah pihak yang melakukan akad jual beli melihat barang jualan. Maka, jual beli orang buta tidak sah (al-Haitami, 1938).
- iii. Apabila orang buta membeli sesuatu barang tanpa melihatnya, dia seolah-olah jahil dengan barang jualan tersebut. Namun, jika barang tersebut pernah dilihatnya sebelum dia buta, jual beli tersebut harus kerana 'jahil' itu sudah tiada dan dia mengetahui barang tersebut (al-Nawawi, t.t.).

Pendapat mazhab Syafi'i ini bertentangan dengan mazhab Hanafi, Hanbali dan Zahiri kerana mereka mensyaratkan penjual atau pembeli mestilah melihat barang yang ingin dijual beli. Ia bukan sekadar terhad kepada jual beli, tetapi sewaan, gadaian, hadiah, pawah dan sebagainya juga tidak dikira.

Namun, pendapat mereka boleh dikritik kerana berbeza dengan hadis Nabi SAW dan juga ijma'. Hadis tersebut diriwayatkan dari 'Abdullah bin 'Umar r.a. bahawa seorang lelaki mengadu kepada Nabi SAW penipuan ketika jual beli yang berlaku ke atas dirinya. Lalu Nabi SAW bersabda:

إِذَا بَاعْتُ، فَقُلْ: لَا خَلَاةٌ وَلَكَ الْخِيَارُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ

Maksudnya: Jika engkau berjual beli, maka sebutkan tiada penipuan. Engkau mendapat tempoh khiyar selama tiga hari (al-Bukhari, t.t.; Muslim, t.t.; al-'Asqalani, 2001).

Dari segi ijma' pula, Sejak zaman Nabi SAW sehingga sekarang, tiada sahabat atau fuqaha' yang melarang mereka berjual beli (al-Kasani, 1986; Ibn Hummam, 2002). Hadis Hibban pula diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim dan mereka memperakui bahawa Hibban merupakan sahabat yang buta (al-'Asqalani, 1995). Perakuan dari Nabi SAW mengenai jual beli Hibban r.a. juga menjadi bukti keharusan jual beli orang buta (al-Kasani, 1986; Ibn Qudamah, 1972).

Pendapat Terpilih

Selepas menilai pendapat para fuqaha' dan hujah yang digunakan, mazhab Maliki dilihat lebih bersesuai dengan maslahat kondisi OKU yang menyatakan sah jual beli orang buta pada barang jualan yang tidak perlu dilihat. Pendapat ini selari dengan hujah yang digunakan oleh mazhab Hanafi dan Hanbali yang menyatakan tiada dalil yang melarang jual beli orang buta, sama ada larangan dari Nabi SAW atau para sahabat dalam keadaan umum mengetahui kewujudan orang buta pada zaman tersebut.

Orang buta juga mukallaf seperti orang celik. Maka, mana mungkin mereka dihalang dari menunaikan keperluan mereka. Larangan jual beli orang buta akan menyulitkan lagi keadaan mereka dan ia bertentangan dengan ruh syariat Islam yang memudahkan mukallaf. Maka, pendapat dari mazhab Maliki yang membenarkan jual beli orang buta pada barang yang tidak

perlu dilihat lebih tepat kerana ia menggabungkan hujah dari pendapat pertama tanpa meninggalkannya. Malah, ia lebih dekat dengan maslahat orang buta.

2. Jual Beli Orang Buta dengan Sifat Barang

Majoriti fuqaha' dari mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali berpendapat harus jual beli orang buta dengan mengetahui sifat barang jualan (Ibn Hummam, 2002; al-Marghinani, t.t.; al-Sarakhsyi, t.t.; al-Dusuqi, t.t.; al-Haitami, 1938; al-Nawawi, t.t.; Ibn Qudamah, 1985). Disebutkan di dalam *Fath al-Qadir*: "Jika barang yang dibeli itu boleh diketahui sifat dan kadarnya tanpa memerlukan deria penglihatan, seperti diketahui melalui bau, rasa, mendengar dan sebagainya, maka semua itu boleh menggantikan tempat deria melihat" (Ibn Hummam, 2002).

Al-Sarakhsyi pula menyebutkan di dalam *al-Mabsut*: "Menjelaskan sifat barang boleh menggantikan fungsi melihat. Ini kerana, syarak mengharuskan jual beli melalui penjelasan sifat barang sahaja" (al-Sarakhsyi, t.t.).

Al-Dusuqi juga menghuraikan perkara yang sama: "Harus jual beli orang buta sama ada dia buta sejak lahir atau mengalami kebutaan ketika masih kecil atau sesudah dewasa. Cukuplah dia bergantung kepada penjelasan sifat oleh penjual" (al-Dusuqi, t.t.).

Menurut Imam al-Nawawi di dalam *al-Majmu'*: "Penjelasan sifat barang dari penjual boleh menggantikan fungsi melihat" (al-Nawawi, t.t.). Penjelasan barang selepas akad seperti fungsi melihat orang celik (al-Haitami, 1938). Komentar Ibn Qudamah pula: "Jika sifat barang jualan boleh diketahui melalui deria bau dan rasa, sah jual belinya" (Ibn Qudamah, 1985).

Isu Kedua: Jual Beli Orang Bisu dan Pekak

Jual beli orang bisu dan pekak harus di sisi syarak kerana mereka boleh menggunakan bahasa isyarat atau tulisan, tidak kira dia menjadi penjual atau pembeli dengan syarat lengkap syarat-syarat jual beli (al-Kasani, 1986; al-Hattab, t.t.; al-Nawawi, 2003; Ibn Qudamah, 1985). Maka, hak milik barang jualan akan bertukar dengan jual beli orang bisu dan pekak. Mereka juga boleh meletakkan syarat khiyar bagi akad jual beli tersebut.

3. Penutup

Fiqh Muamalat bertujuan untuk memberi kemudahan dalam urusan muamalat kepada seluruh umat Islam termasuklah golongan OKU khususnya dalam konteks jual beli. Walau bagaimanapun, aplikasi fiqh muamalat bagi golongan OKU perlu dilaksanakan mengikut kaedah yang sesuai dengan kemampuan mereka. Pelbagai aspek perlu dinilai dan diberi perhatian, antaranya daripada sudut prosedur dan pengurusan, layanan serta pelbagai aspek lain bagi memudahkan golongan OKU melaksanakan urusan muamalat mereka seperti golongan normal. Perkara ini penting supaya golongan ini tidak merasa tersisih dalam kalangan masyarakat. Lantikan Juru Bahasa Isyarat atau pendedahan ilmu bahasa isyarat perlulah diusahakan dalam warga institusi perbankan mahupun premis jualan bagi

membantu pelanggan OKU untuk melakukan apa-apa urus niaga atau perjanjian dengan baik seiring bersama tuntutan ilmu Fiqh Muamalat. Pihak berwajib juga perlu memberi perhatian terhadap pandangan dan cadangan daripada golongan ini sebagai langkah untuk menyantuni dan menjamin kehidupan golongan OKU umumnya di Malaysia.

4. Rujukan

- Al- Dusuqi, Muhammad ‘Arafah. *Hashiyah al-Dusuqi ‘ala al-Sharh al-Kabir li Abi al-Barakat Sayyidi Ahmad al-Dirdi*. Beirut: Dar al-Fikir, 2002.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. *Kashshaf al-Qana’ ‘ala Matn al’-Iqna*. Beirut: Dar al-Fikr, 1982.
- Al-Haitami, Shihab al-Din Ahmad Ibn Hajar al-Haitami al-Shafi’I. *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*, dicetak bersama ‘Abd al-Hamid al-Sharwani dan Ibn Qasim al-‘Abbadī, *Hawashi Tuhfah al-Muhtaj*. Kaherah: Matba’ah Mustafa Muhammad, 1938.
- Al-Hattab, Abu ‘Abdillah Muhammad Bin Muhammad ‘Abd al-Rahman. *Mawahib al-Jalil bi Sharh Mukhtasar al-Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr, 2002.
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mas’ud. *Bada’I al-Sana’I fi Tartib al-Shara’I*, tahqiq: ‘Ali Mu’awwad, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 2003.
- Al-Mardawi, ‘Ala’ al-Din Abu al-Hasan ‘Ali bin Sulayman, *Al-Insaf fo Ma’rifah al-Rajib min al-Khilaf ‘ala Madhhab al-Imam*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1980.
- Al-Marghinani, ‘Ali bin Abi Bakr bin ‘Abd al-Jalil al-Rushdani. *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*, Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, t.t.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf. *Al-Majmu’ Sharh al-Muhadhdhab*. Jeddah: MAktabah al-Irshad, t.t.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari’ah*, ed ‘Abdullah Darraz. Beirut: Dar al-Ma’rifah. 1994.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin ‘Ali bin Yusuf al-Fayruz Abadi al-Shirazi. *Al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shaf’i*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- Ibn hazm, ‘Ibn Muhammad ‘Ali Bin Ahmad Bin sa’id Bin Hazm. *Al-Muhalla*, ed. Ahmad Muhammad Shakir, 2016.
- Ibn Muflīh, Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Bin ‘Abdullah Bin Muflīh al-Hanbali. *Al-Mubdi’ fi Sharh al-Muqni’*. Beirut: al-Maktab al-Islami. 1400H.

Ibn Muflih, Abu Ishaq Ibrahim Bin Muhammad Bin ‘Abdullah Bin Muflih al-Hanbali. *Al-Mubdi’ fi Sharh al-Muqni’*. Beirut: al-Maktab al-Islami. 1404H

Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abdillah bin Ahmad. *Al- Mughni wa Yalihi al-Sharh al-Kabir ‘ala Matn al-Muqni’*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, 1972.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abdillah bin Ahmad. *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Fikr, 1985.